

Ruj. Kami : TCSB/SACC/30/03 (01)
Tarikh : 12 April 2016

Ketua Pegawai Eksekutif
SALIHIN CONSULTING GROUP SDN BHD
KL Sentral Office
Unit 2A-1, Level 1
Tower 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Central 5
KL Sentral 50470 Kuala Lumpur

Tuan,

**PERLANTIKAN SEBAGAI SYARIKAT USAHASAMA SISTEM PERAKAUNAN
KEPADA USAHAWAN TEKUN NASIONAL**

Dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, Lembaga Pengarah TEKUN Corp telah bersidang pada 29 Feb dan 24 Mac 2016 berkenaan pemilihan syarikat usahasama bagi aktiviti jualan sistem perakaunan untuk usahawan TEKUN sebagai salah satu aktiviti TEKUN Corporation Sdn Bhd.

3. Sukacita dimaklumkan cadangan sistem perakaunan syarikat tuan didapati menepati syarat dan kriteria yang diperlukan untuk aktiviti jualan sistem perakaunan ini. Sehubungan itu, TEKUN Corporation Sdn Bhd ingin melantik syarikat tuan, SALIHIN CONSULTING GROUP SDN BHD sebagai syarikat usahasama Sistem Perakaunan Untuk Usahawan TEKUN Nasional. Sila kembalikan surat tawaran pendua ini sebagai tanda persetujuan diatas tawaran perlantikan.

4. Satu kontrak perjanjian bagi mementerai perjanjian usahasama di antara TEKUN Corporation Sdn Bhd dengan SALIHIN CONSULTING GROUP SDN BHD akan disusuli selepas ini. TEKUN Corp mengucapkan tahniah dan semoga kerjasama ini mampu memberi pulangan bagi kesemua pihak.

Sekian, terima kasih.

" TEMAN NIAGA ANDA "

Saya dengan hormatnya,



DATO' ZULHELMI HAJI ABDUL HALIM
Ketua Pegawai Operasi
TEKUN Corporation Sdn Bhd